

## **MAKKI DAN MADANI SERTA BEBERAPA DISKUSI TENTANGNYA**

Zulkifli Hj. Yusoff

### **Abstract**

*Al-Quran is not only the Holy "Kitab" for the Muslim, but it's also a rule and a way of life for Man. The "Surahs" in al-Quran was revealed in Mecca and Medina and known as "Surah Makki" and "Surah Madani". Therefore this article attempts to look into the meaning of these surah according to "ulama" and the methodology to ensure these "surah" as Makki" and "Madani".*

### **Pendahuluan**

Al-Qur'an bukanlah sebuah kitab yang diturunkan oleh Allah sekaligus. Sebaliknya ia diturunkan secara berperingkat-peringkat memakan masa selama 23 tahun. 13 tahun darinya adalah sewaktu baginda berada di Mekkah sementara bakinya, 10 tahun selepas baginda berhijrah ke Madinah.

Ayat-ayat al-Qur'an pula ada yang diturunkan di Mekkah, Madinah dan ada yang diturunkan di luar Mekkah dan Madinah. Juga ada yang diturunkan di waktu malam dan siang atau di tempat yang berbeza-beza.

Ulama' Islam mengambil berat tentang sejarah al-Qur'an ini. Di antara mereka ada yang mengkaji mengenai surah-surah dan ayat-ayat al-Qur'an sehingga berupaya memberi penerangan secara terperinci tentang tempat turun ayat atau waktu sesuatu ayat itu diturunkan. Pengajian seperti ini termasuk sebahagian daripada kajian mengenai *Makki* dan *Madani*. Ia banyak memberi manfaat kepada para pengkaji dakwah kerana dengan pengetahuan tentang *Makki* dan *Madani* mereka akan lebih berupaya

menyelami tahap-tahap yang dilalui oleh Dakwah Islamiah sewaktu diletakkan batu asasnya oleh Baginda s.a.w.

Dalam perbincangan ini dua perkara pokok yang berkaitan dengan tajuk akan disentuh:

- Pertama : Pengertian *Makki* dan *Madani*  
Kedua : Kaedah dalam mengenali al-Qur'an *Makki* dan *Madani*.

### **Pengertian *Makki* dan *Madani***

Beberapa takrif boleh diberikan terhadap *Makki* dan *Madani*. Tetapi tidak semestinya semua yang disebutkan di bawah akan bertepatan dengan realiti al-Qur'an diturunkan.

Takrif pertama bagi al-Qur'an *Makki* ialah al-Qur'an yang diturunkan di Mekkah sekalipun selepas hijrah Baginda s.a.w. sementara al-Qur'an *Madani* pula ialah al-Qur'an yang diturunkan di Madinah.<sup>1</sup>

Takrif kedua: al-Qur'an *Makki* terbahagi kepada dua bahagian. *Makki* pertama ialah al-Qur'an yang diturunkan di Mekkah sebelum hijrah Baginda s.a.w. *Makki* kedua ialah al-Qur'an yang diturunkan di Mekkah selepas tahun pembukaan Kota Mekkah. Sementara al-Qur'an *Madani* ialah al-Qur'an yang diturunkan di Madinah.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup>Ghanim Qaduri Hamad, *Muhadarat fi 'Ulum al-Quran*, Dar al-Kitab li al-Tiba'ah, Baghdad, 1401H-1981M, cet. 1, h. 219-220.

<sup>2</sup>Ibid., h. 220.

Takrif ketiga bagi al-Qur'an *Makki* ialah al-Qur'an yang ditujukan bicaranya oleh Allah kepada penduduk Mekkah. Al-Qur'an *Madani* pula ialah al-Qur'an yang ditujukan bicaranya kepada penduduk Madinah.<sup>3</sup>

Takrif keempat bagi al-Qur'an *Makki* ialah al-Qur'an yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. sepanjang tempoh Baginda s.a.w. berada di Mekkah sementara al-Qur'an *Madani* ialah al-Qur'an yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. sepanjang tempoh kewujudan Baginda s.a.w. di Madinah.<sup>4</sup>

Takrif kelima bagi al-Qur'an *Makki* ialah al-Qur'an yang diturunkan oleh Allah s.w.t. melalui Jibril a.s. sebelum Baginda berhijrah dari Mekkah ke Madinah. Sementara al-Qur'an *Madani* ialah al-Qur'an yang diturunkan selepas Baginda berhijrah ke Madinah.<sup>5</sup>

Takrif yang pertama terhadap *Makki* dan *Madani* diasaskan kepada tempat sesuatu ayat al-Qur'an diturunkan. Sekiranya diturunkan di Mekkah maka dikira sebagai Makkiyyah sekalipun selepas hijrah Baginda s.a.w. Sekiranya diturunkan di Madinah maka akan dikira sebagai Madaniyyah.

Takrif ini boleh dikatakan tidak begitu tepat kerana ia tidak merangkumi keseluruhan ayat dan surah al-Qur'an di mana ayat-ayat al-

---

<sup>3</sup>Ibrahim 'Ali 'Umar, *al-Quran al-Karim Tarikhuh wa Adaduh*, Maktabah al-Falah, Kuwait, cet. 1, h. 72. Lihat juga Ahmad Muhammad 'Ali Daud, *'Ulum al-Qur'an wa al-Hadith*, Dar al-Basyir, 'Amman, 1984M, h. 29.

<sup>4</sup>Ahmad Hasan al-Baquri, *Ma' al-Qur'an*, Maktabah al-Adab wa Matba'atuha bi al-Jamahir, h. 67.

<sup>5</sup>Badr al-Deen Muhammad ibn Bahadur ibn 'Abdullah, al-Zarkasyi, *al-Burhan fi 'Ulum al-Qur'an*, Tahqiq Muhammad Abu al-Fadl Ibrahim, Dar al-Ma'rifah, Beirut, j. 1, h. 187. Lihat juga 'Abd. al-Rahman ibn Abu Bakr, al-Suyuti, *al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an*, Tahqiq Muhammad Abu al-Fadl Ibrahim, Dar al-Turath, Kaherah, 1405H-1985M, cet. 3, j. 1, h. 23 dan Muhammad 'Abd. al-'Azim, al-Zarqani, *Manahil al-'Irfan fi 'Ulum al-Qur'an*, Dar Ihya al-Kutub al-'Arabiyyah, Kaherah, j. 1, h. 194.

Qur'an dan surah-surahnya bukan sahaja diturunkan di Mekkah dan di Madinah. Antaranya ada yang diturunkan di luar dari kota Mekkah dan Madinah. Contohnya firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"Sesungguhnya yang mewajibkan atasamu (melaksanakan hukum-hukum) al-Qur'an benar-benar akan mengembalikan kamu ke tempat kembali". (*Al-Qasas* (28) :85).

Ayat ini telah diturunkan di al-Juhfah.<sup>6</sup>

Takrif kedua bagi *Makki* dan *Madani* juga tidak begitu tepat kerana ia tidak merangkumi semua surah. Misalnya firman Allah yang bermaksud:

"Dan betapa banyaknya negeri-negeri yang (penduduknya) lebih kuat dari (penduduk) negerimu (*Muhammad*) yang telah mengusirmu itu yang telah kami binasakan mereka. Maka tidak ada seorang penolong pun bagi mereka". (*Muhammad* (47): 13)

Ayat ini terletak di dalam surah *Madaniyyah* iaitu surah *Muhammad*. Sedangkan kalau dilihat dari segi tempat turun, ia diturunkan di pertengahan jalan sewaktu Rasulullah s.a.w. sedang menuju dari Mekkah ke Madinah.<sup>7</sup>

Takrif yang ketiga pula diasaskan kepada bicara Tuhan sama ada ditujukan kepada penduduk Mekkah atau Madinah. Kalau ditujukan kepada Penduduk Mekkah, maka ia bermakna al-Qur'an *Makki* dan

---

<sup>6</sup>Juhfah ialah nama sebuah tempat antara jalan Madinah-Mekkah. Untuk ke sini ia memakan masa tiga atau empat hari perjalanan dari Mekkah. Lihat, Muhammad Husain Hackai, *Sejarah Hidup Nabi Muhammad*, Terjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1981, h. 302.

<sup>7</sup>Abd al-Rahman ibn Abu Bakr, al-Suyuti, *Lubab al-Nuqul fi Asbab al-Nuzul*, Dar Ihya' al-'Ulum, Beirut, 1403H-1983M, cet. 3, h. 192-193.

sekiranya ditujukan kepada penduduk Madinah maka ia bermakna al-Qur'an *Madani*.

Ini bermakna titik tolak takrif ini ialah dari firman Tuhan yang dimulakan dengan "Ya Ayyuha al-Nas" atau "Ya Ayyuha allazina Amanu". Kalau ayatnya dimulakan dengan "Ya Ayyuha al-Nas" maka ia dikira *Makki* dan kalau dimulakan dengan "Ya Ayyuha allazina Amanu" maka ia adalah *Madani*.

Kalau begitu takrif ini juga tidak dapat merangkumi kesemua surah al-Qur'an. Misalnya surah *al-Baqarah* adalah surah Madaniyyah tetapi di dalamnya terdapat ayat yang dimulakan dengan "Ya Ayyuha al-Nas" iaitu firman Allah yang bermaksud:

*"Wahai manusia sembahlah Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang sebelum kamu, moga-moga kamu bertaqwa". (Al-Baqarah (2) :21).*

Begitu juga surah *al-Nisa'*. Ia termasuk di dalam kalangan surah Madaniyyah tetapi di permulaan surah Tuhan telah memulakan bicara-Nya dengan "Ya Ayyuha al-Nas". Firman-Nya yang bermaksud:

*"Wahai manusia bertaqwalah kepada Tuhan-Mu yang telah menciptakan kamu dari jiwa yang satu...." (Al-Nisa'(4) :1).*

Takrif yang keempat pula menjadikan setiap ayat yang diturunkan di Mekkah ialah al-Qur'an *Makki* dan setiap yang diturunkan di Madinah ialah al-Qur'an *Madani*.

Takrif ini juga tidak dapat merangkumkan semua ayat al-Qur'an, terutamanya ayat-ayat yang bukannya diturunkan di Mekkah atau Madinah seperti yang disebutkan sebelum ini.

Di samping itu sesiapa yang mengkaji al-Qur'an akan mendapatkan realiti yang bertentangan dengan takrif ini, di mana terdapat ayat-ayat al-Qur'an yang diturunkan di Mekkah sedangkan ia merupakan ayat Madaniyyah. Misalnya firman Allah yang bermaksud:

*"Dan peliharalah dirimu dari (azab yang terjadi pada) hari yang pada waktu itu kamu semua dikembalikan kepada Allah. Kemudian masing-masing diri diberikan balasan yang sempurna terhadap apa yang telah dikerjakan sedung mereka tidak sedikit pun dizalimi". (Al-Baqarah (2) :281).*

Ayat ini telah diturunkan di Mina pada musim Haji Perpisahan.<sup>8</sup> Kalau ingin dipadankan dengan takrif ini maka ia akan disebut sebagai ayat Makkiyyah kerana Mina itu terletak di kawasan Mekkah. Tetapi realitinya tidak begitu.

Begitulah juga dengan firman Allah di dalam surah *al-Maa'idah* yang bermaksud:

*"Pada hari ini telah Aku sempurnakan bagi kamu agama kamu dan telah Ku cukupkan kepadamu nikmat-Ku dan Ku redhai Islam itu menjadi agama bagimu". (Al-Maa'idah (5) :3).*

---

<sup>8</sup>Muhammad Qutb, *Dirasat Qur'aniyah*, Dar al-Syuruq, Beirut, 1402H - 1982M, h. 18.

Ayat ini terletak di dalam surah al-Maa'idah iaitu surah Madaniyyah, sedangkan ia diturunkan di padang 'Arfah pada musim Haji Perpisahan.<sup>9</sup>

Kedua-dua ayat yang disebutkan di atas termasuk di dalam senarai ayat-ayat Madaniyyah sekalipun ia diturunkan di Mekkah. Kecenderungan mengenal pasti sesuatu ayat itu sebagai *Makki* atau *Madani* dengan dirujuk kepada tempat di mana Baginda berada: di Mekkah atau Madinah adalah satu kecenderungan yang silap.

Oleh itu takrif yang paling tepat ialah takrif yang kelima. Takrif ini lengkap dan merangkumi setiap ayat al-Qur'an yang diturunkan di Mekkah atau Madinah atau ayat-ayat yang diturunkan pada tahun pembukaan Kota Mekkah atau pada tahun Haji Perpisahan atau ayat-ayat yang diturunkan dalam mana-mana persafiran Baginda s.a.w. atau ayat-ayat yang diturunkan dalam perjalanan Baginda ke Madinah atau sebelum sampai ke Madinah atau mana-mana ayat yang diturunkan kepada Baginda selepas Baginda berhijrah ke Madinah.

Menurut takrif ini, setiap apa yang diturunkan selepas hijrah sekalipun di Mekkah akan dikira sebagai al-Qur'an *Madani*. Contohnya seperti firman Allah di dalam surah yang diturunkan pada tahun pembukaan Kota Mekkah. Firman-Nya yang bermaksud:

*"Sesungguhnya Allah telah menyuruh kamu menunaikan amanah kepada yang berhak menerimanya...."* (Al-Nisa' (4) : 58).

---

<sup>9</sup>Ali ibn Muhammad, al-Wahidi, *Asbab al-Nuzul*, Takhrij Dr. Mustafa Dib al-Bugha, Dar ibn Kathir, Damsyik, 1408H, cet. 1, h. 109.

Ayat ini adalah ayat Madaniyyah sekalipun diturunkan kepada Baginda sewaktu berada di sisi Ka'abah dan di Kota Mekkah pada tahun pembukaannya.<sup>10</sup>

### Kaedah Dalam Mengenali al-Qur'an Makki dan Madani

*Makki* dan *Madani* pada asasnya memang tidak dapat diketahui kecuali melalui riwayat yang disampaikan oleh para sahabat Nabi s.a.w. Mereka ini merupakan orang-orang yang melihat sesuatu wahyu itu diturunkan. Begitulah juga para tabi'in yang mendengar dan mendapat maklumat terperinci tentangnya daripada para sahabat Nabi s.a.w.<sup>11</sup>

Pengetahuan mereka yang begini luas tentang tempat dan masa wahyu diturunkan melambangkan minat mereka yang tinggi terhadap al-Quran.<sup>12</sup> Sehubungan dengan ini Imam al-Bukhari meriwayatkan satu athar daripada Ibn Mas'ud r.a. katanya:

*"Demi Allah tiada Tuhan selain-Nya, tidak diturunkan suatu surah dari kitab Allah melainkan saya tahu di mana ia diturunkan dan kepada siapakah ia diturunkan. Demi sesungguhnya kalaullah saya tahu ada orang lain yang lebih tahu dariku tentang kitab Allah dan perjalanan kepadanya boleh sampai dengan menggunakan unta nescaya aku akan menunggangnya".<sup>13</sup>*

---

<sup>10</sup>Abd al-Rahman ibn Abu Bakr, al-Suyuti, *al-Durr al-Manthur fi Tafsir al-Ma'thur*, Dar al-Fikr, 1403H-1983M, cet. 1, Jld. 5, h. 570-571.

<sup>11</sup>Subhi al-Soleh, Dr. *Mabahith fi 'Ulum al-Qur'an*, Matba'ah al-Jami'ah al-Suriyyah, Damasyik, 1382H-1958M, h. 178.

<sup>12</sup>Abu Ishaq, Al-Syayibi, *al-Muwafaqat fi Usul al-Ahkam*, Dar al-Fikr, Beirut, j. 3, h. 204.

<sup>13</sup>Ahmad ibn 'Ali ibn Muhammad, ibn Hajar, *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*, Dar al-Fikr, j.. 9, h. 47.

Athar ini menunjukkan bahawa pengetahuan tentang *nuzul al-Qur'an* tidak banyak diketahui kecuali oleh para sahabat Nabi s.a.w. Pengetahuan yang mereka perolehi bolehlah dikatakan melalui inisiatif mereka sendiri kerana menurut al-Syeikh al-Zarqani tidak terdapat nas dari Nabi s.a.w. yang menyuruh mereka berbuat begitu. Malah menurutnya lagi, Nabi sendiri pun tidak menerangkan kepada mereka manakah al-Qur'an *Makki* dan manakah al-Qur'an *Madani*. Ini berlaku disebabkan orang-orang Islam yang hidup di zaman baginda tidak memerlukan maklumat seperti itu kerana mereka menyaksikan sendiri wahyu diturunkan, melihat sendiri tempat, zaman dan sebab ia diturunkan.<sup>14</sup>

Walaupun para sahabat memiliki pengetahuan yang luas tentang al-Qur'an *Makki* dan *Madani*, namun tiada kesinambungan yang total ke generasi zaman ini. Oleh itu ia memerlukan satu kaedah lain untuk membantu para pembaca al-Qur'an mengenali di antara al-Qur'an *Makki* dan *Madani* melalui ayat-ayat yang dibaca dan kaedah ini dinamakan sebagai *Tariq al-Qiyas*.

Kaedah ini berfungsi menghimpunkan fakta-fakta yang boleh dirumuskan bagi mengenalpasti al-Qur'an *Makki* dan *Madani*, dan kemudiannya menilai ketepatannya ke atas ayat-ayat al-Qur'an. Fakta-fakta itu berkemungkinan mempunyai perkaitan dengan *uslub* surah-surah al-Qur'an, topik-topik ayat dan surah, ciri-ciri perbezaan ayat Makkiyyah dan Madaniyyah dan garis penunjuk masa sesuatu ayat atau surah diturunkan.

Sebagai contoh, *uslub* ayat-ayat Makkiyyah adalah pendek dan nadanya sering membangkitkan perasaan takut dan gementar berhadapan dengan kehebatan kekuasaan Ilahi. Manakala *uslub* ayat-ayat Madaniyyah lebih panjang, nadanya selalu lembut, tenang dan sering menjanjikan orang-orang Islam dengan kejayaan dan kemenangan.<sup>15</sup>

---

<sup>14</sup> Al-Zarqani, *op.cit.*, j. 1, h. 196

<sup>15</sup> Ibrahim Zaid, Dr., al-Kaylani, *'Ulum al-Qur'an Thaqafah Takhassusiyyah*, Wizarah al-Tarbiyah wa al-Ta'lim, Sultanah 'Oman, 1405H-1985M, cet. 1, h. 196-197.

Dari sudut keistimewaan pula, ayat Makkiyyah lebih bersifat membimbing jiwa Nabi s.a.w. agar sentiasa bersabar dalam menghadapi penyiksaan kaumnya kerana ini semua merupakan sunnah perjuangan yang telah dilalui oleh orang-orang terdahulu apabila berhadapan dengan musuh-musuh Allah. Ia juga bersifat membimbing Nabi ke arah istiqamah di dalam perjuangan. Sementara ayat-ayat Madaniyyah memiliki sifat istimewanya yang tersendiri iaitu dengan seruan jihad dan bimbingan sewaktu peperangan sedang berlangsung atau selepasnya. Bimbingan itu boleh jadi dalam bentuk susunan strategi mahupun dalam bentuk kaedah-kaedah pembahagian harta rampasan dan tawanan perang.<sup>16</sup>

Perkaitan dengan garis penunjuk masa bermaksud sesuatu ayat itu boleh diketahui *Makki* atau *Madani* dengan keupayaan merujukannya kepada fakta-fakta tarikh yang diketahui masa berlakunya sesuatu peristiwa. Lazimnya ia mudah diketahui apabila sesuatu ayat atau surah itu berkaitan dengan peristiwa yang memang diketahui bila berlakunya peristiwa tersebut. Umpamanya, surah '*Abasa*' yang mempunyai kaitan dengan peristiwa kedatangan Abdullah ibn Ummi Maktum menemui Baginda s.a.w., surah *al-Ahzab* yang mempunyai perkaitan dengan peperangan Khandak, surah *al-Fath* yang bersangkutan dengan perjanjian Hudaibiyyah dan surah *al-Anfal* yang membicarakan mengenai peperangan Badar. Kesemua surah yang disebutkan itu mempunyai garis penunjuk masa yang masyhur di dalam sejarah Islam.

Dari sudut topik, surah-surah Makkiyyah pada kebiasannya menyentuh persoalan akidah. Unsur-unsur *tasyri'* tidak banyak diturunkan di Mekkah. Kalaupun diturunkan ia tidak lebih dari sekadar merupakan pengajaran-pengajaran umum. Pada masa yang sama topik surah-surah Madaniyyah kebiasaannya menyentuh persoalan *tasyri'* dan pembinaan organisasi. Sesekali topik akidah disentuh, tetapi tidaklah sepadat surah-

---

<sup>16</sup> *Ibid.*

surah Makkiyyah kerana akidah itu adalah persoalan yang tidak pernah ditinggalkan oleh al-Qur'an sama sekali.<sup>17</sup>

Namun begitu harus diingat bahawa *Tariq al-Qiyas* ini tidaklah menjamin keseluruhan kaedah itu tepat, kerana ia lebih bersifat kajian yang berdasarkan kepada faktor-faktor kebiasaan. Apabila bercanggah dengan nas yang jelas daripada para sahabat atau tabi'in, maka riwayat mereka tentang *Makki* dan *Madani* itu lebih utama diterima.

Bagi menjelaskan lagi keterangan tersebut, di sini cuba dibentangkan ciri-ciri perbezaan antara keduanya dengan lebih terperinci. Ciri perbezaan di antara keduanya dapat dibahagikan kepada dua bahagian:

- Pertama : Perbezaan menurut kelaziman  
Kedua : Perbezaan menurut kebiasaan

### **Pertama: Perbezaan Menurut Kelaziman**

Perbezaan ini bermaksud sebarang ciri perbezaan yang wujud di antara keduanya berlaku adalah secara tetap dan tidak berubah. Kalau ia merupakan ciri khusus bagi al-Qur'an *Makki* maka ia tidak berlaku pada al-Qur'an *Madani*. Begitulah sebaliknya.

Antara ciri perbezaan menurut kelaziman ini ialah seperti berikut:

1. Setiap surah yang mengandungi lafaz *kalla* ialah Makkiyyah.<sup>18</sup>

Surah-surah itu ialah *Maryam*: 79, 82, *al-Mukminun*: 100, *al-Syu'ara*: 15, 62, *Saba'*: 27, *al-Ma'arij*: 15, 39,

---

<sup>17</sup> Muhammad Qutb, *op.cit.*, hal. 20.

<sup>18</sup> Al-Zarkasyi, *op.cit.*, j. 1, h. 188.

*al-Muddathir*: 16, 32, 53, 54, *al-Qiyamah*: 11, 20, 26, *al-Naba'*: 4, 5, *'Abasa*: 11, 23, *al-Infitar*: 9, *al-Mutaffifin*: 7, 14, 15, 18, *al-Fajr*: 17, 21, *al-'Alaq*: 6, 15, 19, *al-Takathur*: 3, 4, 5 dan *al-Humazah*: 4.

Ini bermakna lafaz *kalla* disebut sebanyak 33 kali di dalam al-Qur'an. Ia terkandung di dalam 15 surah yang kesemuanya di dalam surah-surah Makkiyyah.

2. Setiap surah yang mengandungi ayat-ayat perdebatan tentang *ahl al-kitab* adalah Madaniyyah.<sup>19</sup>

Surah-surah itu ialah: *al-Baqarah*: 109, *ali-'imran*: 64, 65, 69, 70, 71, 98, 99, *al-Nisa'*: 171, *al-Maa'idah*: 15, 19, 59, 68, 77.

3. Setiap surah yang menyebut tentang hudud, pusaka<sup>20</sup> dan undang-undang sivil dan antarabangsa adalah Madaniyyah.<sup>21</sup> Sebagai contoh lihat surah-surah seperti *al-Maa'idah*, *al-Nisa'*, *al-Tawbah* dan *Muhammad*.
4. Setiap surah yang mengandungi keizinan berjihad, perintah dan penjelasan mengenai hukum-hukam peperangan adalah surah Madaniyyah.<sup>22</sup> Lihat seperti surah *al-Anfal*, *al-Baqarah*, *al-Tawbah* dan *al-Ahzab*.

---

<sup>19</sup> Ahmad Muhammad 'Ali Daud, *op.cit.*, h. 32.

<sup>20</sup> Al-Zarkasyi, *loc.cit.*

<sup>21</sup> Ahmad Muhammad 'Ali Daud, *loc.cit.*

<sup>22</sup> *Ibid.*

5. Surah-surah yang menyebut lafaz *Ya Bani Adam* adalah surah-surah Makkiyyah.<sup>23</sup> Lafaz ini terkandung dalam ayat-ayat surah berikut:  
*al-A'raf*: 26, 27, 31, 35 dan *Yassin*: 60.
6. Surah-surah Makkiyyah mengandungi sebutan sumpah di awal surah.<sup>24</sup> Kalau diperhatikan ia terletak di awal surah-surah berikut:  
*al-Saafat*, *al-Zariyat*, *al-Tur*, *al-Najm*, *al-Qamar*, *al-Mursalat*, *al-Nazi'aat*, *al-Buruj*, *al-Tariq*, *al-Fajr*, *al-Syams*, *al-Lail*, *al-Duha*, *al-Tiin*, *al-'Aadiyat* dan *al-'Asr*.
7. Topik asas surah-surah Makkiyyah ialah akidah. Perbincangan mengenai syariat tidak berlaku kecuali sekadar arahan-arahan umum. Sedangkan topik asas surah-surah Madaniyyah ialah persoalan syariat. Namun begitu ini tidak bermakna persoalan akidah tidak disentuh langsung di dalam surah Madaniyyah kerana akidah adalah persoalan yang tidak pernah ditinggalkan oleh Allah sejak dari awal al-Qur'an hingga akhirnya.<sup>25</sup>
8. Surah-surah yang mengandungi ayat yang dimulakan dengan *Ya Ayyuha allazina Amanu* kesemuanya adalah Madaniyyah. Surah-surah itu ialah:

<sup>23</sup>Ibrahim 'Ali 'Umar, *op.cit.*, h. 68.

<sup>24</sup>Ahmad Muhammad 'Ali Daud, *op.cit.*, h. 31-32.

<sup>25</sup>Muhammad Qutb, *op.cit.*, h. 20-21.

*al-Baqarah*: 104, 153, 172, 178, 183, 208, 254, 264, 278, 282, *al-'Imran*: 100, 102, 118, 130, 149, 156, 200, *al-Nisa'*: 19, 29, 43, 59, 71, 94, 135, 136, 144, *al-Maa'idah*: 1, 2, 6, 8, 11, 35, 51, 57, 87, 90, 94, 101, 105, 106, *al-Anfal*: 15, 20, 24, 27, 29, 45, *al-Tawbah*: 23, 28, 34, 38, 119, 123, *al-Hajj*: 77, *al-Nur*: 21, 27, 58, *al-Ahzab*: 9, 41, 49, 53, 56, 69, 70, *Muhammad*: 7, 33, *al-Hujurat*: 1, 2, 6, 11, 12, *al-Hadid*: 28, *al-Mujadilah*: 9, 11, 12, *al-Hasyr*: 18, *al-Mumtahanah*: 1, 10, 13, *al-Saf*: 2, 10, 14, *al-Jumuah*: 9, *al-Munafiqun*: 9, *al-Taghabun*: 14, *al-Tahrim*: 6, 8.

## Kedua: Perbezaan Menurut Kebiasaan

Ia bermaksud ciri-ciri perbezaan yang wujud dalam bentuk kebiasaan yang berlaku tetapi terdedah kepada pengecualian. Seperti kebiasaan surah yang mengandungi ayat yang dimulakan *Ya Ayyuha al-Nas* adalah Makkiyyah. Tetapi kebiasaan ini tidak semestinya tepat kerana surah *al-Baqarah* ialah surah Madaniyyah sedangkan ayat ke 21 darinya dimulakan dengan *Ya Ayyuha al-Nas*.

Oleh itu ciri perbezaan ini dinamakan sebagai perbezaan menurut kebiasaan. Dengan kefahaman bahawa kebanyakan lafadz *Ya Ayyuha al-Nas* adalah untuk surah Makkiyyah.

Antara ciri perbezaan menurut kebiasaan ialah seperti berikut:

1. Setiap surah yang membicarakan tentang orang-orang munafiq ialah Madaniyyah kecuali surah *al-Ankabut*.<sup>26</sup>

---

<sup>26</sup>Al-Zarqani, *op.cit.*, j. 1, h. 198.

2. Antara bukti yang menunjukkan sesuatu surah itu Makkiyyah ialah kandungan surahnya yang terdiri dari perkhabaran tentang kisah-kisah para rasul dan perilaku umat dahulu kala. Namun begitu surah *al-Baqarah* tidak boleh dikategorikan dalam aspek ini sekalipun kandungannya memenuhi ciri-ciri yang disebutkan tadi.<sup>27</sup>
3. Setiap surah yang mengandungi perintah sujud sajdah adalah Makkiyyah kecuali surah *al-Hajj*: 18, 77 dan *al-Ra'd*: 15.

Selain dari dua surah di atas semuanya adalah Makkiyyah. Surah-surah itu ialah:

*al-Isra'*: 109, *Maryam*: 58, *al-Furqan*: 60, *Sad*: 24, *al-Insyiqaq*: 21, *al-A'raf*: 206, *al-Nahl*: 50, *al-Naml*: 26, *Fussilat*: 38, *al-'Alaq*: 19, *al-Ra'd*: 15, *al-Haj*: 18, 77, *al-Sajdah*: 15 dan *al-Najm*: 62.

4. Mana-mana surah yang mengandungi kisah Nabi Adam dengan Iblis adalah Makkiyyah kecuali surah *al-Baqarah*: 34<sup>28</sup>

Selain dari surah *al-Baqarah*, kisah Adam a.s. dengan Iblis disebut di dalam surah-surat berikut:

*al-A'raf*: 11, *al-Hijr*: 31, 32, *al-Isra'*: 61, *al-Kahf*: 50 dan *Taha*: 74, 75.

5. Mana-mana surah yang dimulakan dengan huruf hijaiyah adalah Makkiyyah kecuali surah *al-Baqarah* dan *Ali-'Imran*.

<sup>27</sup>Umar, Ibrahim 'Ali, *op.cit.*, h. 68-69, Lihat juga al-Zarqani, *loc.cit.*

<sup>28</sup>Al-Zarqani, *op.cit.*, j. 1, h. 197.

6. Ayat-ayat pendek menjadi kebiasaan surah-surah Makkiyyah. Namun surah *al-Nasr*,<sup>29</sup> *al-Zalzalah* dan *al-Bayyinah* dikecualikan dari kebiasaan ini.

Sementara ayat-ayat di dalam surah Madaniyyah pada kebiasaannya adalah panjang dan maksud panjang di sini ialah dari segi struktur ayat bukannya dari struktur surah. Bentuk-bentuk ayat yang panjang ini bersesuaian dengan pembentangan syariat kerana ia memerlukan kepada ayat yang bersifat keterangan dan memberi penerangan.

Perbezaan ini hanyalah menurut kebiasaan kerana surah *al-An'am* sekalipun ayat-ayatnya panjang tetapi ia dikategorikan sebagai surah Makkiyyah.

## Penutup

Pengkajian tentang Makki dan Madani banyak memberi kebaikan dan faedah kepada para pengkaji dakwah kerana dengan pengetahuan tersebut, mereka akan lebih berupaya menyelami tahap-tahap yang dilalui oleh Dakwah Islamiyah sewaktu diletakkan batu asasnya oleh Baginda s.a.w.

Dalam perbincangan ini penulis telah cuba memecahkan kebuntuan masalah mengenali ayat-ayat Makkiyyah dan Madaniyyah agar dapat membantu seseorang pengkaji al-Qur'an kepada kefahaman yang betul terhadap *nas al-Quran* khususnya semasa mengenalpasti ayat *Nasikh* dan *Mansukh*.

Kaedah dalam mengenalinya adalah melalui 2 cara: Pertama melalui *Tariq Sama'ie* iaitu melalui riwayat-riwayat para sahabat dan tabi'in dan kedua melalui *Tariq Qiyasi*. Ia pula dapat dipecahkan kepada

---

<sup>29</sup>Ibrahim 'Ali 'Umar, *op.cit.*, h. 69.

dua bahagian iaitu melalui ciri-ciri perbezaan yang lazim dan ciri-ciri perbezaan yang biasa berlaku.

